

Soalan Objektif

Jawab soalan-soalan di bawah.

- 1 Mengapakah kita perlu bersikap adil dengan jiran?
A Supaya hidup kita tidak aman.
B Supaya hidup kita aman dan gembira.
C Supaya kita boleh bergaduh dengan jiran.
D Supaya jiran berasa jelik dengan sikap kita.
- 2 Alice tidak _____ mana-mana pihak selagi dia tidak mengetahui perkara sebenar.
A merestui C mencontohi
B menyukai D menyebelahi
- 3 Kamarul dan Izzi berkawan baik dengan Bob meskipun dia anak orang miskin. Mereka tidak mengira _____ dalam persahabatan.
A umur
B darjat
C tahap
D peringkat
- 4 Chong menasihati anak saudaranya supaya tidak bermain mercun pada waktu malam kerana mengganggu _____ jiran tetangga.
A kesederhanaan
B ketenteraman
C kemuliaan
D kesetiaan
- 5 Semua orang berasa _____ dengan keputusan ketua kampung kerana beliau bersikap adil dengan semua penduduk.
A benci
B sedih
C meluat
D gembira

Soalan Subjektif

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

bangga

perselisihan

prihatin

adil

sayang

- 1 Mastura _____ terhadap jiran-jirannya yang menghadapi masalah.
- 2 Puan Muna memberi sayur-sayuran yang ditanamnya kepada jiran tetangga dengan _____.
- 3 Iman berasa _____ dengan semangat kejiranan yang ditunjukkan oleh penduduk di kawasan perumahannya.
- 4 Semua penduduk Kampung Aman _____ akan ketua kampung mereka kerana beliau sentiasa menyelesaikan masalah anak buahnya dengan adil.
- 5 Jiran tetangga di taman itu hidup aman dan bahagia kerana tiada _____ faham.